

▼25/11/19-35MST

CNS0463

U GB 25-11 00223 BH597

BAH

Mahathir - Bas

OPERASI BAS DI KUALA LUMPUR PERLU DISUSUN AGAR LEBIH BAIK

PEKAN, 25 Nov (Bernama) -- Operasi bas mini dan bas panjang di Kuala Lumpur perlu disusun semula kerana kerajaan ingin agar perkhidmatan yang diberikan kedua-dua perkhidmatan bas itu lebih teratur dan mengikut keadaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan sedar bahawa bas mini berguna tetapi operasi yang dijalkannya pada masa ini tidak begitu teratur manakala bas panjang pula didapati perlu menggunakan rekabentuk baru yang juga sesuai dengan keadaan semasa.

Semasa bercakap pada persidangan akhbar selepas melancar dan menyerahkan kenderaan perisai DRB-Pinzgauer kepada Kementerian Pertahanan di sini, beliau berkata, pengusaha bas mini yang banyak itu adakalanya berlumba-lumba untuk mendapatkan penumpang sehingga tidak memperdulikan peraturan lalulintas.

"Kita sedar bahawa bas mini ini berguna tetapi caranya tidak teratur. Kita dapati bahawa tuampunya bas mini ini tidak sebenarnya membawa bas itu walaupun mereka memberikan alasan ini sahajalah mata pencarian mereka, bahkan ada dua tiga tangan, baru sampai kepada driver (pemandu) yang adakalanya bukan warganegara pun," katanya.

Dr Mahathir menambah kata, penyusunan semula khidmat bas mini itu juga merangkumi beberapa aspek bentuk bas itu sendiri, termasuk lantainya tidak terlalu tinggi bagi memudahkan penumpang naik atau turun. Penggunaan bas-bas yang ada sekarang akan ditamatkan perlahan-lahan. -- Lagi.

▼25/11/19-20MST

CNS0483

U GB 25-11 00169 BH598

BAH

Mahathir - Bas 2 Pekan

Sistem tiket juga dipermudahkan sama ada dengan menggunakan "pre-paid ticket", kad yang sama seperti kad telefon atau mesin "automated" untuk mengurangkan belanja kerana tidak memerlukan konduktor bas, tambahnya.

Semasa ditanya mengenai masa depan tuan punya bas mini yang sedang beroperasi sekarang, beliau berkata, sekiranya berminat, mereka mungkin dapat mengambil bahagian dengan membeli saham dalam syarikat yang menjalankan operasi bas mini itu kelak.

"Kita bukan hendak samun hak orang untuk diberikan kepada orang lain, tetapi masa beredar. Kita perlu tingkatkan piawaian kita. Kita kena terima keadaan ini," jelasnya.

Mengenai bas panjang pula, beliau berkata, operasi bas jenis ini juga sepatutnya dijalankan sebuah syarikat sahaja sebagaimana yang dijalankan di London manakala rekabentuknya juga perlu sesuai seperti yang digunakan di Eropah dan Jepun.

Beliau berkata, masalah akan timbul sekiranya rekabentuk bas lama masih digunakan dalam sebuah bandar yang tidak lagi kecil seperti dahulu di mana penduduk Kuala Lumpur kini telah menjangkau kepada dua juta. -- Lagi.

▼25/11/19-28MST

CNS0489

U GB 25-11 00200 BH599

BAH

Mahathir - Bas 3 (Akhir) Pekan

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Dr Mazlan Ahmad telah ditugaskan untuk menemui pengusaha-pengusaha syarikat bas supaya mereka dapat disatukan dan berhak mengambil bahagian atau membeli saham di dalam syarikat.

Katanya, banyaknya saham yang dibeli bergantung kepada prestasi masing-masing iaitu jumlah penumpang, kekerapan perjalanan dan jumlah perbatuan.

Menyengai kenderaan DRB-Pinzgauer, beliau berkata, kenderaan yang boleh melalui semua jenis bentuk muka bumi itu bukanlah merupakan perlumbaan senjata tetapi satu lagi langkah kerajaan meningkatkan taraf penggunaan kenderaan angkatan tentera.

Beliau, yang sebelum itu memandu uji kenderaan berkenaan yang didatangkan dalam model pacuan empat roda dan enam roda, mendapati kemampuannya baik dan boleh melalui keadaan muka bumi yang begitu buruk sekali.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga turut hadir berkata, kerajaan akan menghantar empat unit kenderaan itu ke Bosnia. Sebanyak 100 unit kenderaan itu yang bernilai kira-kira RM30 juta akan dibekalkan kepada kementerian berkenaan akhir bulan depan.

Kenderaan buatan Austria itu dipasang Automotive Manufacturers (M) Sdn Bhd di kilangnya di Kawasan Perindustrian Peramu di sini. Automotive Manufacturers ialah anak syarikat Diversified Resources Berhad. -- Bernama.

ROS KAM.

▼25/11/19-31MST